

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN

Ketua-ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya mengenai keselamatan dalam Jabatannya seperti yang ditetapkan di Para 16 **Buku Arahan Keselamatan Kerajaan**. Walaupun Ketua Jabatan bertanggungjawab sepenuhnya mengenai keselamatan dalam Jabatannya, beliau perlu melantik seorang Pegawai Kanan yang berkaliber untuk menyandang jawatan tersebut. Bertujuan untuk membantu beliau melaksanakan arahan-arahan keselamatan. Pegawai Keselamatan Jabatan yang dilantik hendaklah terdiri daripada Timbalan Ketua Jabatan yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran Jabatan untuk melaksanakan arahan-arahan keselamatan Kerajaan dengan berhubung rapat dan mendapat nasihat dari Pegawai Keselamatan Kerajaan. Tugas sebagai Pegawai Keselamatan Jabatan ini adalah sebagai tugas tambahan daripada tugas-tugas rasminya, meliputi: -

- 1 Bertanggungjawab ke atas semua aspek keselamatan dokumen dan maklumat rasmi Jabatan, bangunan dan harta benda Kerajaan daripada sebarang ancaman, kecurian, kebakaran dan sebagainya dengan mengambil kira langkah-langkah melindungi selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- 2 Mengemukakan perakuan-perakuan kepada Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Jabatan akan cadangan-cadangan untuk meningkatkan langkah-langkah Keselamatan Perlindungan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

- 3 Menubuhkan jawatankuasa keselamatan di Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan yang dipengerusikan oleh Pegawai Keselamatan Jabatan berperanan untuk menyelaraskan pelaksanaan kawalan Keselamatan Perlindungan serta menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dalam melaksanakan kawalan Keselamatan Perlindungan di Kementerian / Jabatan Kerajaan.
- 4 Mewakili Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan dalam menghadiri mesyuarat mengenai keselamatan dari semasa ke semasa dan jika diperlukan hendaklah membentangkan laporan keselamatan kemeterian / Jabatan serta isu-isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Kementerian / Jabatan.
- 5 Menubuhkan jawatankuasa yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian / Jabatan yang akan bermesyuarat dengan serta merta jika berlaku sebarang kejadian kecemasan yang melibatkan keselamatan dokumen dan kebocoran maklumat serta harta benda Kerajaan termasuk ancaman keselamatan, pencerobohan, kebakaran, kecurian dan sebagainya. Selanjutnya menyediakan laporan hasil mesyuarat jawatankuasa berkenaan untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan.
- 6 Mengadakan pemeriksaan dari semasa ke semasa ke atas bangunan, sistem pendawaian elektrik, bilik komputer, bilik dokumen dan peralatan, kawasan pejabat dan semua perkara di bawah tanggungjawabnya bagi memastikan ia dalam keadaan yang selamat dan tidak terdedah kepada ancaman dan risiko.
- 7 Menganjurkan kursus dan taklimat kesedaran Keselamatan Perlindungan dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan setiap anggota di

Kementerian / Jabatan memahami langkah-langkah serta peraturan-peraturan Keselamatan Perlindungan.

- 8 Berkerjasama rapat dengan Pegawai Keselamatan Kerajaan untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai langkah-langkah meningkatkan sistem dan kawalan Keselamatan Perlindungan di Kementerian / Jabatan.
- 9 Melaksanakan tugas-tugas lain yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan keselamatan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa dan yang dipinda dari semasa ke semasa.

This document was created with Win2PDF available at <http://www.daneprairie.com>.
The unregistered version of Win2PDF is for evaluation or non-commercial use only.